

09 MAR 2004

MAHATHIR-MIGHT

M'SIA KINI LEBIH YAKIN CEBURI R&D TEKNOLOGI TINGGI

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Malaysia kini lebih yakin untuk memelopori dalam bidang penyelidikan dan pembangunan teknologi tinggi, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

"Kita mempunyai kapasiti yang sama dengan orang atau negara lain. Kita boleh buat apa yang mereka buat (dari segi R&D teknologi)," kata beliau yang juga merupakan bekas penaung Kumpulan Industri Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

Beliau juga berkata yang Malaysia mampu membina hubungan yang baik dari konteks menghasilkan idea baru dan industri teknologi tinggi adalah hasil daripada idea baru dalam menggunakan sumber negara.

"Malaysia mempunyai banyak sumber dan negara ini tidak mahu orang lain menggunakan sumber yang ada," kata beliau dalam ucapannya pada majlis perpisahan yang dianjurkan oleh MIGHT untuk beliau dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

"Kita rasa kita patut menceburi industri teknologi tinggi, tetapi industri (teknologi tinggi) ini satu perniagaan yang berisiko. Orang lebih suka melabur dalam pembangunan hartanah yang lebih mudah dan lebih menguntungkan," kata beliau.

Dan, itulah sebabnya kerajaan telah menjadi peneraju dalam mempromosikannya kepada sektor swasta, jelas beliau sambil menambah bahawa MIGHT adalah satu produk "Malaysia Incorporated".

"Selain daripada melabur dalam teknologi tinggi, kita juga mahu bekerjasama dengan negara maju dan membangun dan oleh sebab itu, kita mengadakan Dialog Antarabangsa Langkawi dan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan," kata beliau.

Sementara itu menyentuh mengenai pilihan raya yang akan datang, Dr Mahathir berkata beliau yakin yang pucuk pimpinan baru sekarang mampu merangsang keyakinan di kalangan rakyat.

"Ekonomi kian menggalakkan dan saya pasti yang Barisan Nasional

akan
menang sekali lagi," kata beliau. -- BERNAMA
TNS FR AA